



Guru hanya suka anak ahli politik dan jutawan

Soalan.

SAYA pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah di ibu kota. Sekolah saya antara sekolah ternama dan mempunyai ramai pelajar yang terdiri daripada anak orang kaya dan berpengaruh. Ada anak ahli perniagaan terkenal, ahli politik, artis dan ramai ibu bapa yang berjaya.

Setiap waktu pagi, banyak kereta mewah di pekarangan sekolah. Saya juga terdengar cerita apabila kumpulan mereka berbual-bual. Mereka bercuti keluar negara dan pakai baju yang mahal. Saya tidak kisah itu semua kerana ada antara pelajar itu baik dan menjadi kawan saya.

Yang menjadi masalah ialah sikap seorang guru di sekolah ini yang pilih kasih terhadap pelajarannya. Saya perasaan guru ini hanya akan beri tumpuan kepada pelajar yang kaya. Dengan pelajar yang bukan daripada keluarga kaya, dia selalu mengatakan kami tidak akan berjaya dalam kerjaya nanti. Kata-kata guru itu membuatkan saya kecil hati dan kurang bermotivasi.

Walaupun bukan daripada keluarga kaya, saya tetap mempunyai perasaan dan harga diri. Saya tidak mahu guru membeza-beza pelajar, pilih kasih.

Selain itu, guru ini juga tidak menjalankan tugasnya dengan betul. Dia selalu lambat masuk kelas dan apabila masuk saja dia bukan terus mengajar tetapi membebel terlebih dulu.

Selalunya, masa yang diambil untuk membebel ialah sepuluh hingga lima belas minit. Paling kelakar apabila dia bercakap perkara sama saja.

Saya selalu baca guru perlu menjadi contoh yang baik kepada pelajar dan orang ramai. Masalahnya, guru yang seorang ini tidak berlagak baik. Hari guru juga disambut setiap tahun untuk meraikan jasa guru. Tetapi kenapa ada guru yang teruk seperti ini?

Anti Pilih Kasih
Kuala Lumpur.

Jawapan.

SIFAT tidak profesional guru memang boleh mendatangkan kesan tidak baik kepada pelajar. Masalah adik ialah

guru pilih kasih dan tidak menjalankan tugas dengan baik membuatkan ada konflik diri. Guru adalah antara profesion mulia kerana mengajar masyarakat menjadi pandai dan berilmu. Di samping itu, tugas guru ialah mendidik pelajar menjadi insan yang baik dan mampu berjasa kepada keluarga serta masyarakat.

Di negara ini, guru menjalankan tugas mereka dengan baik. Buktinya, profesion perguruan cemerlang di negara ini. Bagaimanapun, ada kes terencil guru tidak mampu mendidik dan menjadi contoh yang baik kepada pelajarannya. Inilah yang berlaku pada guru adik.

Guru adik itu sepatutnya menunjukkan contoh dan teladan yang utuh di dalam atau luar bilik darjah. Dia tidak patut pilih kasih sebaliknya mengajar dengan bersungguh-sungguh tanpa mengira latar belakang pelajarannya. Guru yang baik tidak akan bersifat pilih kasih.

Guru juga perlu berfikir terbuka, rendah diri, dan bersikap optimistik terhadap

pelajarnya. Oleh itu, apabila guru itu selalu mengatakan bahawa kawan-kawan dan adik tidak akan berjaya dalam kerjaya, ia bukanlah perkara yang baik. Setiap guru perlu mempunyai empati dan komitmen dalam menghargai maruah orang lain dalam mengejar hasil dari segi efektif dan kognitif.

Adik juga menghadapi masalah apabila guru selalu lambat masuk kelas dan terus membebel. Tugas guru juga ialah mengajar pelajarannya cara belajar, menganalisa dan berfikir secara kritis serta menjana idea baru bagi menarik kemampuan pelajar berfikir.

Adik boleh berjumpa dengan pihak pentadbir sekolah untuk memberitahu mengenai sikap guru itu. Namun, ia perlu bersandarkan kepada bukti. Jika tidak ia seperti adik membuat tuduhan. Ini hanya akan menganlaya guru itu dan hanya menunjukkan sifat adik yang tidak baik. Lakukan dengan tujuan untuk memperbaiki sikap guru, bukan menjatuhkannya.

Pelajar tertekan dengan sikap rakan

Soalan

SAYA pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi awam di selatan tanah air. Saya ada masalah dengan rakan di universiti dan sangat merunsingkan fikiran. Saya tinggal seorang di bilik kolej kediaman kerana inginkan ketenangan belajar dan melakukan rutin harian. Pada awalnya saya sangat selesa tapi kini bilik saya sering dikunjungi rakan-rakan hingga tidak dapat fokus dengan kehidupan sebelum ini.

Saya sangat aktif dengan aktiviti kolej kerana yakin

dapat membahagikan masa dengan sempurna, tetapi kini sangat tertekan kerana bilik dipenuhi rakan-rakan lain.

Mereka datang bukan untuk belajar bersama-sama tetapi lebih kepada mengganggu aktiviti yang saya lakukan. Saya akui sangat lemah dalam menegur secara bersemuka dengan mereka kerana tidak mahu ada yang bermasam muka. Lebih menyedihkan lagi saya terpaksa berkongsi tilam dan bantal dengan mereka hingga badan kerap lenguh kerana tidak selesa tidur berhimpit-himpit.

Saya harap Dr dapat membantu menangani masalah ini.

Siswa
Johor.

Jawapan

BERSIFAT asertif sangat perlu bagi memastikan adik dapat menjalani kehidupan harian sebagai seorang pelajar dengan baik. Nyatakan apa yang adik inginkan kepada kawan-kawan dengan tidak membuatkan mereka bermasam muka. Beritahu bukan tidak mahu berkawan

tapi adik memerlukan ruang dan privasi sendiri.

Jika tidak dapat lakukan secara bersemuka, adik boleh melakukan dengan cara lain seperti menghantar mesej melalui teks pesanan ringkas. Adik juga boleh menulis surat kepada mereka namun ia perlu dilakukan dengan cara berhemah. Berterus terang, adik menghormati mereka dan masih tetap mahu terus menjadi kawan yang baik. Cuma, jelaskan adik merasa tidak selesa dengan beberapa perkara seperti terpaksa berkongsi tilam dan bantal.

Kawan yang baik ialah kawan yang mengerti. Dr harap kawan-kawan akan memahami masalah adik dan akan terus berkawan walaupun selepas memberitahu mereka perasaan yang sebenar.